



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/3/2013

SELASA 26 MAC 2013

# Melayu

## Saya maafkan sesiapa sahaja - Dr. Mahathir

UM - 26/3/2013

KUALA LUMPUR 25 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau memaafkan sesiapa sahaja termasuk bekas ahli Pas seumur hidup, Zainon Ismail atau C.N Al-Afghani yang pernah merancang membunuhnya pada 1988.

Menurutnya, beliau tidak pernah mengetahui wujud rancangan sedemikian ketika menjadi Perdana Menteri.

"Saya pun tak sedar ada perancangan nak bunuh saya, sebab itu saya berjalan sana sini tak takut, tapi baru sekarang saya tahu ada orang nak bunuh saya.

"Tapi saya tak rasa apa-apa lah pada mereka yang merancang itu. Saya sentiasa memaafkan semua orang," katanya selepas menjadi ahli panel *Forum*

*Negara: Membina Peradaban Bangsa Melayu Berteraskan Tamadun Islam* anjuran Majlis Perundingan Melayu (MPM) di sini hari ini.

Beliau mengulas hasrat Zainon yang mahu berjumpa dan meminta maaf kepadanya kerana pernah merancang membunuh bekas Perdana Menteri itu pada 1988 kerana terpengaruh dengan Amanat Haji Hadi.

Dr. Mahathir berkata, walaupun ramai ahli politik tidak bersetuju sesama sendiri atau bermusuh, namun ia tidak sampai ke tahap pembunuhan.

"Jadi, saya harap cara itu tidak menjadi budaya di negara kita, tetapi saya sedia maafkan beliau dan sesiapa sahaja kalau ada," katanya.